

24 FEB 1999

Najib-UPU

BORANG UPU DIEDARKAN SEHINGGA PERTENGAHAN APRIL

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Borang Unit Pusat Universiti (UPU) akan terus diedarkan di semua cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) di seluruh negara sehingga pertengahan April, kira-kira dua minggu selepas keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata setakat ini daripada 200,000 borang yang dicetak, 112,000 sudah diedarkan dan 88,000 akan diedarkan dalam masa dua minggu lagi.

Sebanyak 70,000 borang lagi akan dikeluarkan pada cetakan kali kedua, katanya.

"Tidak sepatutnya timbul kebimbangan di kalangan ibu bapa dan pelajar terutamanya yang borang akan kehabisan," katanya pada persidangan media selepas mesyuarat kementerianya di sini.

Beliau berkata keadaan berebut-rebut untuk mendapatkan borang UPU juga tidak sepatutnya berlaku kerana kementerian memang mencetak bilangan yang banyak yang mencukupi bagi semua pelajar yang memohon masuk ke pusat pengajian tinggi.

Katanya kaedah mengedarkan borang UPU melalui BSN adalah cekap dan borang diedarkan dalam masa tiga bulan, yang memberikan cukup masa kepada pelajar mendapatkan borang itu.

Najib berkata pada tahun ini borang UPU perlu dikembalikan selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan bagi mengelakkan kekeliruan mengenai tawaran memasuki universiti seperti yang dialami pada tahun lepas.

"Borang perlu dihantar dengan menyertakan keputusan sebenar, bukan lagi keputusan peperiksaan percubaan," katanya.

Mengenai bayaran tambahan sebanyak RM1.50 yang dikenakan BSN kepada setiap borang, Najib menjelaskan ia adalah untuk kos pengangkutan dan pengendalian yang dikenakan oleh bank itu.

Katanya kalau pelajar meminta borang itu menggunakan pos, mereka perlu melakukan banyak perkara seperti mengisi borang draf, membeli setem, menyertakan sampul surat beralamat sendiri yang membabitkan kos tambahan sehingga RM13.

Beliau berkata pada masa hadapan kementerian akan memberikan publisiti dua atau tiga minggu sebelum borang diedarkan bagi mengelakkan orang ramai menyerbu pusat-pusat pengedaran borang UPU.

Najib juga berkata penerangan mengenai dasar-dasar kerajaan akan diberikan kepada pensyarah dan pelajar pusat pengajian tinggi bagi mengelakkan mereka dipengaruhi golongan yang menanam falsafah kebencian terhadap kerajaan.

"Sebahagian besar pensyarah memahami dasar-dasar kerajaan dan yang kritikal hanya terhadap satu dua isu, bukan menentang kesemua pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan," katanya.

Katanya kerajaan juga menerima pensyarah yang kritikal tetapi biarlah kritikal yang membina bukan hanya pandai mencemuh segala usaha kerajaan.

Mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap pensyarah yang menanam falsafah kebencian, Najib berkata ia terpulang kepada majlis universiti terbabit untuk mengawal mereka dan kegiatan yang disebarkan mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas menyatakan terdapat pensyarah yang tidak mensyukuri nikmat daripada kerajaan dan menanam falsafah kebencian terhadap kerajaan di kalangan pelajar mereka.

-- BERNAMA

MT NMO

